

19 JUN 1998

Mahathir-Pemimpin

TUKAR PEMIMPIN SELEPAS MENEKAN EKONOMI DAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat khususnya ahli UMNO harus memahami sepenuhnya kuasa-kuasa di sebalik kejatuhan mata wang dan pasaran saham dan bersatu padu memelihara kestabilan politik untuk menanganinya masalah itu.

Katanya mereka yang menekan matawang dan pasaran saham bukan sahaja ingin menguasai ekonomi dan kewangan negara-negara yang diserang tetapi juga telah melakukan percubaan untuk menukar pimpinan negara-negara itu termasuk di Malaysia.

"Di negara di mana mereka sudah dapat menekan sehingga menjadi begitu teruk, kuasa mereka tidak terhad kepada ekonomi dan kewangan sahaja. Mereka berminat menguasai politiknya dan menentukan siapa yang akan memimpin negara," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada perhimpunan agung UMNO ke-52 di sini hari ini.

"Percubaan menukar pemimpin juga telah dibuat di Malaysia apabila pemimpin didakwa anti-Yahudi," kata beliau yang juga Presiden UMNO merujuk kepada dakwaan beliau telah membuat kenyataan anti-Yahudi semasa berucap kepada rakyat di Terengganu tahun lepas.

Katanya mereka kemudian mendakwa bahawa pemimpin yang ada sekarang menjadi penghalang kepada pemulihan ekonomi kerana menurut pemimpin berkenaan tidak tahu selok-belok sistem kewangan dunia moden.

"Tujuan mereka ialah supaya politik negara menjadi keruh kerana dakwaan mereka akan menyebabkan perselisihan faham berlaku antara pemimpin," kata Dr Mahathir dalam ucapannya yang tertumpu kepada masalah ekonomi dan kewangan negara dengan menghuraikan faktor-faktor kenapa ia berlaku dan apa yang perlu dilakukan untuk menanganinya.

"Penyokong-penyokong pemimpin pun akan berusaha -- yang satunya untuk mempertahankan pemimpin yang sedia ada dan menyingkir pencabarnya, sementara penyokong pencabar pula akan mendesak supaya dia mencabar pemimpin yang sedia ada," kata beliau.

Dengan itu kempen saling memburukkan pemimpin akan dilakukan sehingga suasana menjadi lebih keruh dan politik menjadi tegang. Dalam suasana ini masalah kegawatan ekonomi dan kewangan tidak dapat ditangani, keadaan ekonomi menjadi lebih buruk. Akhirnya menjadi lebih dahsyat, pemimpin tidak dapat bekerjasama dan salah satunya akan jatuh.

"Walaupun siapapun yang berjaya, serangan ke atas negara akan diteruskan sehingga pemimpin yang dipilih tunduk kepada kuasa asing -- ia itu rela negara dijajah semula," ujarinya.

Dr Mahathir menghuraikan bagaimana kuasa asing menjajah semula negara yang dikenakan tekanan seperti itu.

"Apabila ini berlaku, ekonomi akan dibuka untuk dana dan syarikat asing masuk dan mengambil alih syarikat besar tempatan. Waktu itu mereka akan pulihkan semula ekonomi dan nilai matawang negara itu," katanya.

Beliau berkata bagi kuasa asing ini mudah dilakukan kerana mereka akan mendakwa keyakinan atau "confidence" mereka sudah kembali dan oleh itu nilai ringgit boleh dinaikkan.

Dr Mahathir memberi penjelasan terperinci bagaimana mereka (pedagang matawang) boleh menaikkan semula ringgit kerana mereka mempunyai jumlah dolar Amerika yang banyak.

Mengikut sistem dagangan yang digubal oleh mereka sendiri, mana-mana matawang dapat dinaikkan dengan membelinya berkali-kali, dan mereka mengaut keuntungan besar setiap kali membeli dan menjual semula.

Katanya mengikut demokrasi liberal barat semua tindakan ini termasuk kuasa pasaran yang mengakibatkan rakyat negara-negara membangun menderita adalah sesuatu yang wajar.

Dalam ucapannya yang bertajuk "Cabaran Kegawatan" Dr Mahathir antara lain memberi priskripsi beliau di bawah beberapa tajuk kecil bagaimana negara harus menangani kegawatan ekonomi iaitu:

Elak Nafsu Kuasai Diri Semasa Kegawatan, Fahami Kesan Perniagaan Saham, Percubaan Menukar Pemimpin, Atasi Kegawatan Ekonomi Berpandukan Islam, Belanja Dengan Bijak, Jangan Percaya Helah Barat, Hanya UMNO Dapat Pertahankan Negara, Demokrasi Amalan UMNO Berjaya, Berhati-hati Terhadap Globalisasi, dan Peliharalah UMNO.

Dr Mahathir juga menyeru ahli-ahli UMNO supaya berhati-hati dalam menguruskan parti bagi menjamin parti itu dapat meneruskan kejayaan menerajui kerajaan Malaysia dan terus "survive".

"Sama ada kita akan terus "survive" atau tidak, bergantung kepada budaya kita, sifat-sifat yang ada pada kita, sifat berhati-hati, sifat berjaga-jaga terutama apabila sesuatu yang baru diperkenalkan."

"Jangan sekali-kali membenarkan keuntungan jangka pendek menutup mata kita kepada kerugian jangka panjang," katanya.

"Tidak ada yang kekal di dunia ini. UMNO pun tidak akan kekal. Tetapi riwayatnya tidak perlu dipendekkan kerana kita tidak berhati-hati, tidak cekap dan gila dengan keuntungan yang cepat."

"Perjuangan UMNO masih belum selesai. Banyak lagi yang perlu dibuat oleh UMNO. Orang Melayu dan bumiputera lain belum lagi cukup kuat untuk dibiarkan mereka mempertahankan diri mereka sendiri tanpa pimpinan dan perlindungan UMNO," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata orang Melayu dan bumiputera lain belum kuat untuk bersaing dalam dunia yang kian mencabar.

"Kemerdekaan kita belum terjamin. Negara yang lebih gagah daripada kitapun sudah ditewaskan. Apakah kita dapat menyelamatkan diri kita tanpa perpaduan dan persaudaraan di kalangan kita, tanpa berganding bahu dengan kaum-kaum lain yang sependapat dengan kita untuk menyelamatkan maruah negara ini," tanya beliau.

"Jawabnya kita tidak dapat. Jawabnya kita masih belum boleh mengamalkan liberal demokrasi ala Barat jika kita ingin selamat. Oleh itu selamatkanlah UMNO dan peliharakanlah UMNO," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ZKS WAT